

No. Rujukan : UTeM.02.05.03/100-3/2/2 Jld. 2 (5)



**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 5 TAHUN 2012**

**PENAMBAHBAIKAN SKIM FELLOW
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar
5 Julai 2012

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/2 Jld.2 (5)

5 JULAI 2012

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 5/2012

PENAMBAHBAIKAN SKIM FELLOW UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf dan pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai Penambahbaikan Skim Fellow Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pihak Universiti telah melaksanakan Skim Fellow Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) melalui Pekeliling Pentadbiran Bilangan 27 Tahun 2008. Skim Fellow ini merupakan strategi Universiti untuk meningkatkan bilangan pensyarah yang mempunyai Ijazah Doktor Falsafah dengan menaja bakal-bakal tenaga pengajar yang berkecukupan untuk melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah serta ditawarkan biasiswa sepanjang tempoh pengajian.

2.2 Berdasarkan kepada perkembangan semasa di peringkat Universiti dan dasar-dasar baru yang diperkenalkan oleh Kerajaan, maka Jawatankuasa Cuti Belajar (JKCB) melalui Mesyuarat Bilangan 3/2012 yang bersidang pada 15 Mei 2012 telah memperakukan beberapa cadangan penambahbaikan dan memperkemaskan syarat-syarat pelantikan serta peraturan sedia ada pada Skim Fellow ini.

2.3 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 3/2012 yang diadakan pada 31 Mei 2012 telah bersetuju meluluskan cadangan penambahbaikan yang telah diperakukan dengan pindaan untuk diguna pakai di Universiti ini.

3.0 PENAMBAHBAIKAN SYARAT DAN KEMUDAHAN SKIM FELLOW

3.1 Syarat-syarat permohonan yang telah dibuat penambahbaikan adalah seperti berikut:-

- i) Kelayakan Ijazah Sarjana Muda CGPA 3.30;
- ii) Kelayakan Ijazah Sarjana CGPA 3.50;
- iii) Sekiranya pemohon mempunyai pengalaman industri yang berkaitan selama tiga (3) tahun syarat minimum CGPA kelayakan Ijazah Sarjana Muda adalah di antara 3.00 hingga 3.29;
- iv) Had umur bagi pengajian di peringkat Sarjana kurang dari 30 tahun dan peringkat Kedoktoran pula kurang dari 40 tahun.

3.2 Penambahbaikan bagi kemudahan-kemudahan yang layak diterima adalah seperti berikut:-

- i) Elaun Peribadi:
Pengajian di peringkat Sarjana = RM2,150.00 sebulan
Pengajian di peringkat Kedoktoran = RM 2,500.00 sebulan

3.3 Kriteria pelantikan fellow setelah tamat pengajian:

Sarjana:

- i. Permohonan untuk menyambung ke peringkat PhD perlu mendapat pertimbangan fakulti dan JKCB; atau
- ii. Dilantik terus ke Gred DS45 oleh Jawatankuasa Pemilih Guru.

PhD:

Dilantik dalam perkhidmatan Gred DS51 mengikut keperluan Universiti oleh Jawatankuasa Pemilih Guru.

3.4 Lain-lain perkara yang tidak dinyatakan dalam Surat Pekeliling Pentadbiran ini tidak berubah dan masih terpakai di peringkat Universiti.

4.0 PEMAKAIAN

Surat Pekeliling Pentadbiran ini perlu dibaca bersama dengan Pekeliling Pentadbiran Bilangan 27 Tahun 2008 yang telah dikeluarkan pada 18 September 2008.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai tarikh ia diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti iaitu pada 31 Mei 2012.

Sekian, terima kasih.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



HASAN BIN SIRUN
Pendaftar
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
lukp